

**Soalan No : 42**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]

**TARIKH :** 31.3.2015

**SOALAN :**

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, siapakah perunding yang dilantik untuk menyediakannya serta kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 sedang dimuktamadkan dan dijangka akan dilancarkan pada April 2015. Ia adalah *Blueprint* bagi tempoh 11 tahun yang akan memacu pembangunan pendidikan tinggi negara seiring dengan transformasi negara menuju ke status Negara Maju Berpendapatan Tinggi. Ia juga akan memastikan kedudukan ekonomi negara kekal kompetitif dalam era persaingan global.

Proses pembangunan *Blueprint* ini bermula pada bulan Februari 2013, apabila proses mengkaji semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dijalankan. Sekumpulan 35 penyelidik bebas daripada institusi pendidikan tinggi awam dan swasta telah dilantik untuk

menjalankan kajian ini. Susulan daripada kajian ini, satu *Blueprint* telah dibangunkan oleh seramai 60 orang pakar dan penulis di Kementerian dan institusi pendidikan tinggi yang juga terdiri daripada rakyat tempatan.

Proses pembangunan *Blueprint* ini merupakan satu proses kolaborasi dan perundingan. Proses ini diterajui oleh kumpulan pemikir yang telah berunding dan mengambil input serta cadangan daripada lebih seratus pemegangtaruh dan individu. Kumpulan penggubal Kementerian juga telah merujuk laporan penyelidikan daripada badan antarabangsa seperti World Bank, UNESCO dan OECD yang telah mencadangkan amalan terbaik (*best practices*) berdasarkan amalan luar negara.

Sepanjang tempoh dua tahun daripada tahun 2013 hingga 2015, kementerian telah memperuntukkan RM8.5juta bagi pembangunan *Blueprint* ini. Kos ini termasuk kos penyelidikan, melaksanakan perundingan dan pendengaran awam seluruh negara.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015**

**SOALAN : 43**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah bilangan pelajar Bumiputera bukan Islam yang belajar di MRSM di seluruh negara setakat Disember 2014 dan nyatakan kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk aktiviti kerohanian dan keagamaan mereka.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bilangan pelajar Bumiputera bukan Islam yang sedang belajar di MRSM di seluruh negara setakat Disember 2014 ialah 1,207 orang.

Dari aspek kerohanian, pelajar Bumiputera bukan Islam diwajibkan untuk mengambil subjek Pendidikan Moral seperti di sekolah-sekolah Kementerian Pelajaran. Pihak Maktab tiada halangan untuk membenarkan para pelajar pergi ke tempat ibadat agama masing-masing mengikut permohonan serta kebenaran ibu bapa.